



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 2 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	GAGAL BAWA KELUAR 1.1 TAN IKAN, NASIONAL, BH -19 APMM PERAK RAMPAS 31 SET BUBU NAGA, NEGARA, KOSMO -16 ENAM NELAYAN VIETNAM DICEKUP 'CURI' 1.1 TAN IKAN, NEGARA, KOSMO -16 31 BUBU NAGA DIRAMPAS, NEGERI PERAK, SH -27 GAGAL ROMPAK 1.1 TAN IKAN, NEGERI KELANTAN, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8.	JUALAN BARANGAN ASAS SERENDAH RM5, NEGERI SEL, SH -24 PEMBANGUNAN INTEGRASI UBAH LANDSKAP YAN, DALAM NEGERI, UM -3 SERAGA HIJAU DUN WAKAF MEMPELAM CAKNA RAKYAT, FIKRAH, HAKAKAH -F6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Gagal bawa keluar 1.1 tan ikan



Anggota Maritim Malaysia menahan nelayan asing di Muara Tok Bali. (Foto ihsan Maritim Malaysia)

## Maritim Malaysia Kelantan tahan 6 nelayan warga Vietnam dekat Muara Tok Bali

Oleh Nor Anaima Alias  
bnnews@bh.com.my

**Pasir Puteh:** Agensi Penguasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan mematahkan cubaan membawa keluar 1.1 tan ikan yang dikaut nelayan asing di perairan negara ini.

Pengarahnya, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman, berkata bot nelayan Vietnam di-

naiki enam individu, termasuk tekong itu pada awalnya dikesan dalam keadaan mencurigakan pada jam 6.10 petang pada Selasa lalu.

Beliau berkata, mereka cuba melarikan diri, namun berjaya dipintas pihak Maritim Malaysia pada jam 6.35 petang dan pemeriksaan ke atas bot menemui hasil laut bersama enam nelayan tanpa pengenalan diri.

Katanya, semua tekong awak-awak dan bot dibawa ke jeti Maritim Tok Bali dan tiba pada jam 9 pagi kelmarin.

### Tiada pengenalan diri

"Selain ikan 1.1 tan, kita turut merampas diesel 500 liter dan peralatan mehangkap ikan dengan nilai RM365,000.

"Semua nelayan berusia antara 32 hingga 52 tahun itu ditahan

kira-kira 55 batu nautika dari Muara Tok Bali," katanya di sini, semalam.

Syed Nor Adli berkata, mereka juga gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran melarikan aktiviti perikanan di perairan Malaysia.

"Kes diisiat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh dituduh mengikut Seksyen 25(e), iaitu denda sehingga RM6 juta kepada tekong dan RM600,000 ke atas setiap kru.

"Kita bertegas membanteras kegiatan mengaut hasil laut negara yang semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini dengan melaksanakan Op Khas Naga Barat, Op Khas Gamat dan Op Damai yang menjadi kejayaan rampasan kali ini," katanya.

### APMM Perak rampas 31 set bubu naga

**KUALA TERENGANU** - Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Terengganu rampas 31 set bubu naga pada Keli ini dianggarkan bernilai RM2.750 dengan nilai RM90 setiap satu set, katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Mohd Najhan, kes disiasat mengikut Seksyen 11(3) (c) Akta Perlindungan 1988 lalu memasing satu manjejabahan dengan 31 set. Peraturannya membolehkan ikan itu ditangkap menggunakan ikan yang tidak dilesenkan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"APMM mengagutkan kes pada semua komuniti nelayan agar sebisa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan ini," katanya.

"Kesemua bubu naga dan pemanda dirampas serta dibawa

ke Jeti Zon Maritim Kuala Terengganu untuk tindakan lanjut.

31 set bubu naga yang dirampas itu diangkut ke Kuala Terengganu dan diserahkan kepada pihak berkuasa. Peraturannya membolehkan ikan itu ditangkap menggunakan ikan yang tidak dilesenkan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"APMM mengagutkan kes pada semua komuniti nelayan agar sebisa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan ini," katanya.

"Kesemua bubu naga dan pemanda dirampas serta dibawa



SEBANYAK 31 set bubu naga yang dirampas APMM di Pulau Kalumpang, Kuala Terengganu.

### Enam nelayan Vietnam dicekup 'curi' 1.1 tan ikan



Enam nelayan Vietnam yang ditahan di pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu. - APMM KUALANTAN

**PASIR PUTIH** - Sekumpulan enam nelayan warga Vietnam dicekup semasa sedang menangkap ikan secara haram di lokasi 101 kilometer dari Muara Tok Gali di sini Selasa lalu.

Bot yang diterniti seorang nelayan dan lima awak-awak itu ditangkap berdekatan dengan pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu. Enam nelayan itu ditahan dan dibawa ke pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu.

1.1 tan ikan secara haram. Selain itu, mereka juga telah merampas bot nelayan Vietnam yang mengangkut ikan bernilai RM355,000 dalam kenyataannya semalam.

Kesanya, bot dan kesemua sajak dibawa ke Jeti Maritim Pasir Putih semalam. Enam nelayan itu ditahan dan dibawa ke pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu. Enam nelayan itu ditahan dan dibawa ke pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu.

Kesemua nelayan ditahan dan dibawa ke pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu. Enam nelayan itu ditahan dan dibawa ke pulau 101 kilometer dari kawasan Muara Tok Gali, Pasir Putih pada Selasa lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	27

## 31 bubu naga dirampas

**PARIT BUNTAR** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak merampas 31 set bubu naga di kedudukan 1.2 dan 1.3 batu nautika barat daya Pulau Kalumpang di sini, pada Rabu. Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd Najhan Azman Hamid berkata, pasukan bot ronda telah mengesan pelampung yang mencurigakan disyaki penanda kepada bubu naga sekitar jam 8.50 pagi.

"Hasil pemeriksaan menemukan sebanyak 16 set bubu naga di lokasi pertama iaitu di kedudukan 1.3 batu nautika barat daya Pulau Kalumpang dan selebihnya dijumpai di 1.2 batu nautika perairan yang sama.

"Kesemua bubu naga bernilai RM2,790 dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.



# Gagal rompak 1.1 tan ikan

Nelayan Vietnam ditahan selepas ceroboh masuk ke perairan negara

Oleh HAZELEN LIANA  
KAMARUDIN  
PASIR PUTEH

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan merampas 1.1 tan ikan yang cuba dirompak oleh sebuah kapal Vietnam selepas menceroboh masuk ke perairan negara pada Selasa.

Bot yang dinaiki oleh seorang tekong dan lima awak-awak itu berjaya ditahan Maritim Malaysia Kelantan jam 6.35 petang pada jarak lebih kurang 55 batu nautika dari muara Tok Bali.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli

Syed Ab Rahman berkata, selain ikan pihaknya turut merampas 500 liter minyak diesel dan peralatan menangkap ikan dianggarkan berjumlah RM365,000.

"Pada jam 6.10 petang, anggota peronda telah mengesan sebuah bot nelayan Vietnam yang dalam keadaan mencurigakan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Beliau berkata, menyedari kehadiran anggota Maritim Malaysia Kelantan bot tersebut bertindak melarikan diri namun gagal selepas berjaya dipintas.

Syed Nor Adli berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati, kesemua individu yang ditahan itu berumur antara 32 hingga 52 tahun itu tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Katanya, tekong bot gagal menunjukkan sebarang dokumen kebenaran melakukan aktiviti perikanan di perairan Malaysia.

"Kes akan disiasat di bawah



Kesemua individu yang ditahan berumur antara 32 hingga 52 tahun tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot turut disyaki melakukan kesalahan bawah Seksyen 16 (3) akta yang sama kerana gagal memaklumkan pegawai berkuasa melalui radio atau Malaysia."

faksimile tentang nama, negara, bendera, lokasi laluan dan destinasi, vesel, dalam hal gagal memasuki perairan perikanan Malaysia," katanya.



# Jualan barangan asas serendah RM5

Akan dijual di sembilan daerah di Selangor serentak bermula 6 September

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**  
**SHAH ALAM**

**J**ualan barangan asas serendah RM5 akan dijual selama tiga bulan di sembilan daerah di Selangor serentak bermula 6 September.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemenangan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim berkata, jualan bersubsidi itu ditanggung sepenuhnya kerajaan negeri bagi membantu meringankan beban rakyat.

Menurutnya, lokasi program Jelajah Jualan Ehsan Rakyat Selangor pula akan dihebahkan dari masa ke masa menerusi media sosial Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

"Kuantiti bagi setiap produk adalah 1,000 unit sebagai contoh 1,000 ekor ayam, 1,000 kilogram (kg) ikan (terpilih)



**IZHAM**

Jualan barangan asas serendah RM5 di sembilan daerah di Selangor serentak bermula 6 September. -Gambar hiasan

dan minyak masak lima kg pada harga hanya RM10 sebotol dan ini adalah permulaan jika permintaan meningkat kita tambah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Izham, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandan Indah berkata, antara produk yang dijual dengan harga RM5 ialah ayam, ikan, da-

ging import, telur ayam gred B dan beras lima kg.

"Kalau mahu bandingkan harga pasaran, ayam seekor dengan berat 1.8 kg berharga RM16, ikan pula (RM10), daging import (RM13.90), telur ayam gred B (RM12.90) dan beras lima kg RM13. Mana nak dapat harga macam ini? Kita mampu tawarkan demi rakyat," katanya.

2/9/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Pembangunan integrasi ubah landskap Yan

Oleh **MUHAMMAD AIMY AHMAD**  
aimy.ahmad@mediamula.com.my

**YAN:** Projek Pembangunan Berintegrasi Pusat Bekalan Gas dan Loji Janakuasa Pulau Bunting yang dibangunkan Kumpulan MMC akan membantu mengubah landskap ekonomi daerah Yan yang ketika ini bergantung kepada sektor pertanian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau yakin pembangunan projek itu bakal menjadikan Yan seperti daerah Pengerang di Johor yang asalnya hanya perkampungan nelayan.

"Pengerang kemudian membangun pesat sebagai kawasan perindustrian, maka penduduk Yan terutama golongan muda juga bakal menikmati banyak peluang pekerjaan selepas ini.

"Maka kerajaan Persekutuan komited menyokong pelaksanaan projek ini yang memabitkan tiga komponen utama bagi menjadikan kawasan ini sebagai hab ekonomi baharu di utara," katanya ketika merasmikan projek pembangunan berintegrasi itu di Pulau Bunting, di sini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor, Pengerusi Kumpulan MMC, Tan Sri Tajudin



**ISMAIL Sabri Yaakob** melihat replika **Projek Pembangunan Berintegrasi Pusat Bekalan Gas dan Loji Janakuasa Pulau Bunting** selepas merasmikan projek itu di Yan, semalam. - **UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

Atan dan Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Bhd., Tan Sri Che Khalid Mohamad Noh.

Projek tersebut yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bernilai RM14.4 bilion diterima Kedah dibangunkan oleh Kumpulan MMC

Pelabuhan Yan.

Komponen kedua yang bakal dibina adalah Loji Jana Kuasa Turbin Gas Kirar Padu dengan kapasiti 1,400MW yang turut dapat menjamin bekalan tenaga elektrik untuk negara, khususnya bagi wilayah utara di Semenanjung.



# Seraga Hijau DUN Wakaf Mempelam cakna rakyat

**Harakah**  
**Fikrah**

BL 2778 | 5 - 7 SAFAR 1444 / 2 - 4 SEPTEMBER 2022

Oleh **AZIZAH MAHMOOD**

**KUALA TERENGGANU** : "Bersyukur dengan rezeki Allah walau sedikit," ini antara ungkapan yang selalu di sebut dalam setiap ucapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Wakaf Mempelam, Wan Sukairi Wan Abdullah di mana-mana program kebajikan dan cakna rakyat.

Tegas beliau, rezeki yang Allah berikan walaupun sedikit tetap perlu disyukuri, malah ia bukan sahaja datang dalam bentuk wang ringgit semata.

"Rezeki Allah ini, walau sedikit, kita sebagai hamba kena bersyukur. Rezeki tak semestinya datang dengan wang ringgit dan sebagainya tapi nikmat dapat hirup udara pagi ni adalah rezeki yang teramat tidak ada nilainya," demikian bait Tazkirah Dhuha ringkas oleh Ustaz Wan Sukairi bersama penerima Program Seraga Hijau DUN Wakaf Mempelam pada pagi Khamis lepas.

Program yang berlangsung pada pagi 25 Ogos di Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Wakaf Mempelam dihadiri 50 orang penerima dalam kalangan keluarga kategori B40.

Program ini memilih peserta yang berlainan setiap bulan mengikut Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Kampung (JPPK).

Antara matlamat program ini adalah untuk membantu dengan memberi barangan keperluan seperti ayam dan sayur-sayuran segar.

Pusat khidmat Masyarakat ADUN Wakaf Mempelam sendiri mengusahakan tanaman terong sebanyak 500 pokok di bawah pengawasan pejabat pertanian daerah.

Justeru, dengan usaha itu sayur ini dapat diagih kepada komuniti setempat.

"Kita dapat sayur seraga ni bersyukur sangat sangat. Ringan perbelanjaan pasar hari ni untuk saya dan empat orang anak saya," kata Farizan Muhamad dari Kampung Durian Burong yang juga seorang ibu tunggal yang menerima bantuan tersebut.



Ustaz Wan Sukairi menyerahkan sumbangan Seraga Hijau kepada penerima.



Riak wajah ceria seorang penerima sumbangan bakul Seraga Hijau.



Hasil terong yang ditanam untuk diagihkan.



Seraga Hijau yang disumbangkan kepada yang memerlukan.



Sayur dan barangan basah yang ada di dalam Seraga Hijau.